

**PENDEKATAN DAKWAH ISLAM DALAM PEMULIHAN  
REMAJA DI INSTITUSI PEMULIHAN AKHLAK, JABATAN  
KEBAJIKAN MASYARAKAT MALAYSIA: ANALISIS DARI  
PERSPEKTIF AL-QURAN<sup>(\*)</sup>**

*(The Quran Approach To The Religion Of The Religion In The Institution  
Of Practice Of Women, Jkm's Protection: A Study In Recovery Aspects)*

**Basirah Binti Abu Bakar<sup>1</sup>, M.Y.Zulkifli Bin Mohd.Yusoff<sup>2</sup>**

**Muhamad Ali Hanafiah Bin Norasid<sup>3</sup>**

**ABSTRACT**

This study focuses on the Qur'anic approach to preaching for adolescents from the aspect of rehabilitation at the Department of Social Welfare of Women's Welfare Protection (JKM) in Selangor and Kuala Lumpur. It is a series of juvenile crime in Malaysia seen rising especially in Kuala Lumpur. Based on statistics from the Royal Malaysia Police (PDRM), the number of criminal cases involving juvenile offenders increased by 11% over a year. Furthermore, most occupants of shelters are Muslims. This is because adolescents at this age are easily influenced to try and do something. The religious modules conducted at women's shelter homes have yet to attain certain, traditional, conventional or religious approaches specially designed to address adolescent behavior problems. The design of this study is a qualitative study using data collection methods through semi structured interviews, observation and document analysis. The first approach, motivation with praise and words, shows the most important aspect of al-

---

<sup>(\*)</sup> This article was submitted on: 08/07/2019 and accepted for publication on: 19/12/2019.

<sup>1</sup> Calon Ph.D di Jabatan al-Quran dan Hadith Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Emel: aimanquraish88@gmail.com

<sup>2</sup> Profesor di Jabatan al-Quran dan Hadith Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

<sup>3</sup> Pensyarah kanan di Jabatan al-Quran dan Hadith Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Ghazali's approach of building relationships with an individual. The second approach is the order directed to show the acceptance of the instructions from the individual after identifying the problem. The third approach is the justification of the command which states the requirement in executing the ordered order. Therefore, the author sees the Qur'anic preaching approaches in the aspect of rehabilitation of the two Habitat Prayership Homestay shelters, Kampung Pandan (ABKL) and the Taman Seri Puteri, Cheras (TSP) shelter house managed by the Department of Social Welfare Malaysia. In conclusion, the findings show ABKL and TSP using a modular approach and a quran recovery approach. There are three forms of Quranic preaching approach in the aspect of rehabilitation in ABKL and TSP namely; (1) protection, (2) education, and (3) monitor.

**Keywords:** *Approach, Preaching Quran, Recovery Aspect, Rehabilitation Centre*

## ABSTRAK

*Kajian ini memfokuskan kepada pendekatan al-Quran mengenai dakwah terhadap remaja dari aspek pemulihan di Rumah Perlindungan Akhlak Wanita Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di Selangor dan Kuala Lumpur. Ia rentetan daripada jenayah juvana seperti merompak, merogol dan mengedar dadah di Malaysia yang semakin meningkat terutama di Kuala Lumpur. Berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan jumlah kes jenayah membabitkan pesalah juvana meningkat sebanyak 11% pada setiap tahun bermula pada tahun 2011. Kebanyakan penghuni rumah-rumah perlindungan adalah beragama Islam. Ini disebabkan kaum remaja ketika usia sebegini mudah terpengaruh untuk mencuba dan membuat sesuatu yang buruk. Reka bentuk kajian ini adalah kajian kualitatif yang menggunakan temu bual separa berstruktur, pemerhatian dan analisis dokumen. Pendekatan pertama iaitu motivasi dengan pujian dan kata-kata menunjukkan aspek yang paling penting dalam pendekatan al-Ghazali iaitu membina hubungan dengan remaja. Pendekatan kedua iaitu arahan yang ingin disampaikan kepada remaja. Pendekatan ketiga adalah justifikasi arahan iaitu menyatakan keperluan dalam melaksanakan perintah yang disuruh. Dengan itu, penulis melihat pendekatan-pendekatan dakwah al-Quran dalam aspek pemulihan terhadap dua buah rumah perlindungan Asrama Bahagia Akhlak, Kampung Pandan (ABKL) dan rumah perlindungan Taman Seri Puteri, Cheras (TSP) yang dikendalikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. Kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan ABKL dan TSP menggunakan pendekatan bermodul dan pendekatan pemulihan quran untuk memberi*

*pemulihan kepada remaja. Terdapat tiga bentuk pendekatan dakwah quran dalam aspek pemulihan di ABKL dan TSP iaitu; (1) perlindungan, (2) pendidikan, dan (3) pengawasan.*

**Kata kunci:** *Pendekatan, Dakwah Quran, Aspek Pemulihan, Rumah Perlindungan Akhlak*

## PENDAHULUAN

Dakwah menjadi agenda penting bagi penyebaran Islam. Dakwah adalah suatu usaha pengajakan, seruan dan panggilan sesuatu yang amat dituntut oleh Islam. Dakwah yang dilakukan Rasulullah s.a.w sepanjang hayatnya adalah atas tuntutan ini. Manusia pada asasnya dalam keadaan tidak tahu dan hidup berasaskan amalan orang-orang terdahulu. Justeru, dakwah yang berpaksikan aqidah tauhid menjadi keutamaan di sepanjang zaman.

Kepesatan pembangunan material sejajar dengan pembangunan teknologi maklumat telah meninggalkan kesan tekanan yang melampau kepada masyarakat. Akibat daripada kesan tersebut boleh mendatangkan pelbagai penyakit jiwa. Perasaan tersebut bukan hanya menjejaskan pertimbangan mental seseorang, malah boleh mengakibatkan implikasi terhadap jasadnya. Dengan itu, berdasarkan statistic Polis Diraja Malaysia (PDRM) peningkatan gejala-gejala sosial dan kes-kes jenayah seperti gangsterisme, bunuh diri, seks bebas dan lain-lain yang merupakan pengabaian mereka terhadap nilai-nilai kemanusiaan serta bertindak di luar batasan norma agama. Dengan itu, dakwah yang berbentuk pemulihan hendaklah diadaptasi kepada remaja bagi menangani masalah-masalah gejala sosial dalam kalangan remaja. Pemulihan bermaksud mengubah tingkah laku remaja menjadi yang lebih baik.

Pelbagai kaedah dan teknik baru diperkenalkan bagi menyumbang kepada pemulihan remaja. Terdapat dua pendekatan utama dalam pemulihan terhadap remaja iaitu kaunseling dan bimbingan. Kaunseling dan bimbingan merangkumi pendekatan yang berbentuk individu dan berkumpulan. Berdasarkan delikueni juvana<sup>1</sup>, pendekatan pemulihan terhadap remaja yang perlu ditekankan adalah melalui beberapa pendekatan iaitu<sup>2</sup>:

---

<sup>1</sup> Delinkuen adalah sikap melanggar undang-undang atau melakukan perkara yang tidak diterima masyarakat.

<sup>2</sup> Buerah Tunggak, Shanah Ngadi, Hamimah Abu Naim, *Delinkuen Pelajar Dan Cadangan Penyelesaiannya Menerusi Model Pembangunan Sahsiah Remaja Pelajar Muslim Bersepadu*, Jurnal Hadhari Volume 7 (2) (2015), Bangi: Penerbit UKM, 11-30.

1. Pendekatan agama dan akhlak.
2. Program kemahiran komunikasi dan interaksi.
3. Program pendidikan dan kemahiran vokasional.
4. Program rekreasi.

Pendekatan-pendekatan yang dijelaskan adalah bertujuan untuk mengubah remaja menjadi individu yang produktif dan berguna kepada masyarakat. Dalam melaksanakan pemulihan remaja terdapat kekangan-kekangan yang perlu diatasi. Di antara kekangan yang berlaku adalah kekurangan penglibatan individu untuk mengendalikan program. Selain itu juga, kekangan dari sudut peruntukan kewangan juga menjadi masalah dalam pengendalian program pemulihan<sup>1</sup>.

## PENDEKATAN DAKWAH DALAM PEMULIHAN REMAJA MENURUT AL-QURAN

Terdapat tiga pendekatan utama yang dapat digali berkenaan dengan pendekatan terhadap remaja berteraskan al-Quran iaitu; motivasi dengan pujian dan kata-kata yang baik, perintah yang ditujukan kepada hamba dan justifikasi perintah. Al-Quran menampilkan beberapa kaedah bagi memulihkan para remaja sama ada dalil jelas daripada Allah melalui qassas al-Quran. Kebanyakan pendekatan pemulihan yang dinyatakan di dalam al-Quran dapat dipetik daripada qassas al-Quran dengan mengambil 'ibrah daripada kisah-kisah yang dirakam dalam al-Quran. Kajian ini meneliti ayat-ayat al-Quran yang dapat membentuk pendekatan yang dapat memulihkan golongan remaja yang dipulihkan. Pendekatan ini bersandarkan kepada struktur ayat al-Quran yang berperingkat dalam mendekati remaja. Berikut merupakan langkah-langkah pemulihan.


## KERANGKA KONSEPTUAL PENDEKATAN DAKWAH TERHADAP REMAJA MENURUT AL-QURAN

Gabungan pendekatan ayat-ayat al-Quran berkisarkan kisah Maryam a.s dan model al-Ghazali membentuk kerangka konspetual kajian yang dijalankan. Kerangka konseptual kajian ini merupakan garis panduan yang digunakan dalam menjalankan kajian. Kerangka konspetual yang diterjemahkan penulis adalah menerusi tiga pendekatan utama iaitu motivasi dengan pujian dan kata-kata yang baik, arahan yang diberikan dan

---

<sup>1</sup> *Ibid.*

justifikasi arahan yang ditujukan. Pendekatan-pendekatan yang disediakan adalah diadaptasi menggunakan pendekatan al-Ghazali secara hikmah.



Rajah 1.1: Kerangka Konseptual

## ADAPTASI: PENDEKATAN AL-GHAZALI<sup>1</sup>

Rajah 1.1 menunjukkan pendekatan-pendekatan yang diekstrak dari ayat-ayat al-Quran yang berkait dengan kisah Maryam a.s. Pendekatan pertama iaitu motivasi dengan pujian dan kata-kata menunjukkan aspek yang paling penting dalam pendekatan al-Ghazali iaitu membina hubungan dengan seseorang individu. Pembinaan hubungan juga memerlukan tatacara penyampaian yang baik iaitu memberi pujian dan menyampaikan dengan kata-kata yang baik. Pendekatan kedua iaitu perintah yang ditujukan menunjukkan penerimaan arahan daripada individu setelah mengenal pasti masalah. Setelah itu, memberitahu perkara yang akan dilaksanakan iaitu saranan dalam melakukan perkara-perkara yang baik. Pendekatan ketiga adalah justifikasi perintah iaitu menyatakan keperluan dalam melaksanakan perintah yang disuruh. Pada peringkat ini, akan timbul kesefahaman terhadap keberadaan individu dan permasalahan yang diterima.

Komunikasi berkesan adalah kaedah pendekatan terhadap remaja dengan menggunakan hierarki turutan ayat-ayat al-Quran. Dalam al-Quran terdapat ayat-ayat yang menceritakan kisah-kisah manusia yang mengalami tekanan emosi dan faktor-faktor yang menyebabkan tekanan emosi. Antara faktor yang menyebabkan tekanan emosi remaja adalah disebabkan perubahan fisiologi dan psikologi yang berlaku atas diri mereka.

<sup>1</sup> Yatimah Sarmani, Mohd. Tajudin Ninggal, *Teori Kaunseling Al-Ghazali*, (Selangor: PTS Islamika, 2009), 128-131.


Perhubungan yang pesat berhubung dengan kematangan seksual juga menyebabkan remaja tidak pasti tentang dirinya, keupayaan dan minatnya<sup>1</sup>.

Dalam konteks dakwah islamiyah pula, pengkajian tentang tanda-tanda tekanan emosi boleh didapati dalam kisah-kisah Nabi dan umat terdahulu. Di antaranya di dalam surah Maryam ayat 19 memaparkan persoalan psikologi manusia termasuk hal berkaitan dengan tekanan. Kisah Maryam a.s yang dicemuh oleh masyarakatnya kerana hamil tanpa melalui proses perkahwinan menunjukkan bahawa Maryam a.s sedang mengalami tekanan dan menggambarkan bagaimana tindak balas tekanan dan aspek psikologi<sup>2</sup>.

Terdapat tiga pendekatan pemulihan daripada al-Quran terhadap remaja iaitu; motivasi dengan pujian dan melontarkan kata-kata yang baik. Ia disusuli dengan mengeluarkan perintah dan cadangan pendekatan ketiga pula ialah menyatakan justifikasi terhadap arahan tersebut.

## PENDEKATAN MOTIVASI DAN PUJIAN

Pendekatan pertama di dalam hierarki dan komunikasi berkesan kepada remaja adalah motivasi dan pujian. Menurut Majdi al-Hilali, saranan-saranan yang digunakan al-Quran dalam mengislah setiap individu boleh dilakukan pada tiga unsur penting iaitu: akal fikiran, hati dan nafsu<sup>3</sup>.



**Rajah 2.2:** Unsur Penting Perubahan Dalam Al-Quran

Unsur pertama adalah akal fikiran. Pemikiran setiap individu akan membentuk tingkah laku lahirnya, dan setiap manusia akan bergerak sesuai dengan keyakinan peribadinya. Maka langkah pertama untuk membentuk pemikiran itu adalah dengan meluruskan pemikirannya dan menguatkan keyakinannya<sup>4</sup>. Unsur kedua adalah hati. Tinjauan akal adalah tinjauan yang paling utama terhadap tingkah laku. Akan tetapi kepuasan ini masih

<sup>1</sup> Fariza Md.Sham, *Tekanan Emosi Remaja Islam*, Jurnal Islamiyyat, vol.27(1), (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2005), 11-13.

<sup>2</sup> *Ibid.*

<sup>3</sup> Majdi al-Hilali, *Panduan Kembali Kepada Al-Quran*, (Selangor: Pustaka Jiwa Sdn. Bhd, 2012), 135.

<sup>4</sup> *Ibid.*, 135-136.

memerlukan keredaan hati terhadapnya. Tingkah laku bermula dari pendengaran hati terhadap suara akal, lalu dia meredainya sehingga dapat menghasilkan sebuah tindakan yang nyata<sup>1</sup>.

Al-Quran sebagai sumber asas kaunseling Islam mengemukakan beberapa kaedah dalam konteks tarbiah bagi menjana pembangunan insan yang seimbang. Tarbiah *bi al-mau'izah* (melalui nasihat), tarbiah *bi al-qissah* (melalui cerita), tarbiah *bi al-ahdath* (melalui peristiwa), tarbiah *bi al-qudwah* (melalui teladan) dan tarbiah *bi al-'uqubah* (melalui denda) adalah antara kaedah yang dikemukakan al-Quran dalam konteks mendidik dan membangun manusia. Tarbiah dalam al-Quran bertujuan melahirkan ciri pembangunan individu yang mengetahui hala tuju mereka. Manusia bertaqwa adalah tujuan utama pendidikan al-Quran. Al-Quran telah memilih Rasulullah s.a.w sebagai contoh bagi manusia mengikuti dalam segala aspek kehidupan kerana kehidupan Rasulullah s.a.w adalah cerminan al-Quran.<sup>2</sup>

Di dalam al-Quran terdapat banyak ayat yang berkaitan dengan kisah para rasul berdepan dengan umat mereka. Begitu juga terdapat ayat-ayat yang ditujukan kepada Rasulullah s.a.w dalam melancarkan dakwah Baginda. Ayat-ayat tersebut menampilkan isyarat kaedah dalam dakwah yang harus difahami dan dipelajari oleh setiap Muslim. Allah menceritakan kisah-kisah tersebut agar dijadikan teladan dan panduan dalam melaksanakan dakwah yang bersesuaian dengan kaedah yang telah dijelaskan.

Mendidik remaja dan anak muda adalah perkara yang sangat mencabar. Menurut al-Ghazali, tempoh usia mereka yang berbolak balik menyukarkan seseorang memahami kaedah yang terbaik untuk mereka. Ramai dalam kalangan orang dewasa kecewa dengan hasil pendidikan anak muda yang kadangkala degil, memberontak dan tidak menghormati orang tua<sup>3</sup>. Berikut adalah contoh-contoh ayat menggunakan motivasi dan pujian:

Bil.	Pendekatan	Ayat	Surah
1.	Motivasi dan Pujian	يُصْخَبِي السِّجْنِ عَزَابَ مُتَفَرِّقُونَ خَيْرٌ أَمِ اللَّهُ الْوَحْدُ الْقَهَّارُ ٣٩	Yusuf 12:39

<sup>1</sup> *Ibid*, 151.

<sup>2</sup> Abdul Ghafar Hj. Don, "Tarbiah Dalam Kaunseling Islam: Pendekatan Al-Quran Dalam Pembangunan Insan" dalam *Dakwah dan Kaunseling di Malaysia*, (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013), 99-104.

<sup>3</sup> Mohd Nor Mamat, *Dakwah Biar Santai Tapi Sampai*, (Selangor: Grup Buku Karangraf, 2014), 336.

		<p>Hai kedua penghuni penjara, manakah yang baik, tuhan-tuhan yang bermacam-macam itu atukah Allah yang Maha Esa lagi Maha Perkasa?</p>	
<p>2.</p>		<p>يٰۤاَيُّهَا زَكَرِيَّا اِنَّا نُبَشِّرُكَ بِغُلَامٍ اسْمُهُ يَحْيٰى لَمْ نَجْعَلْ لَهٗ مِنْ قَبْلُ سَمِيًّا ۗ</p> <p>Hai Zakaria, Sesungguhnya Kami memberi kabar gembira kepadamu akan (beroleh) seorang anak yang namanya Yahya, yang sebelumnya Kami belum pernah menciptakan orang yang serupa dengan Dia.</p>	<p>Maryam 19:7</p>
<p>3.</p>		<p>وَإِذْ قَالَ لُقْمٰنُ لِابْنِهٖ وَهُوَ يُعِظُهٗ يٰبْنِي لَا تُشْرِكْ بِاللّٰهِ اِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيْمٌ ۙ</p> <p>Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, di waktu ia memberi pelajaran kepadanya: "Hai anakku, janganlah kamu mempersekutukan Allah, Sesungguhnya mempersekutukan (Allah) adalah benar-benar kezaliman yang besar".</p>	<p>Luqman 21:13</p>

Jadual 1.1: Contoh-contoh Ayat Menggunakan Motivasi Dan Pujian

Berdasarkan jadual 2.6, jadual menunjukkan contoh ayat-ayat yang menggunakan elemen motivasi dan pujian. Allah memanggil Nabi Zakariyya "يا زكريا" dan menyatakan bahawa ada khabar gembira "إنا نبشرك" akan diterima olehnya. Di dalam surah Luqman ayat 13 menunjukkan Luqman memanggil anaknya dengan "يٰبني".



Menurut pandangan Ar-Razi adalah Nabi Yusuf mengajak rakannya penjaranya agar tidak merasakan bebanan menetap lama di dalam penjara. Beliau turut meyakinkan rakannya bahawa apabila beriman kepada Allah, perasaan resah untuk hidup lama di penjara akan hilang<sup>1</sup>. Al-Zamakhshari menyatakan bahawa Nabi Yusuf sangat menghargai rakan penjaranya dengan memanggil “يا صاحبي السجن” iaitu “*wahai sahabat penjaraku yang jujur*” dengan harapan Nabi Yusuf agar rakan penjaranya menjadi orang yang benar dan jujur. Begitu juga pada kalimah “يا زكريا” menunjukkan panggilan yang mengangkat darjat dan panggilan yang baik<sup>2</sup>. Al-Qinauji menyatakan kalimah “يا بني” menunjukkan anak kecil yang disayangi. Ini juga menunjukkan cara panggilan atau percakapan untuk mendekati anak. Di dalam ayat 13 surah Luqman menunjukkan pendekatan motivasi dan pujian perlu dimulakan dengan panggilan yang baik dan dipenuhi dengan kasih sayang<sup>3</sup>.

Penerokaan terhadap nas al-Quran pastinya menatijahkan suatu pendekatan yang terbaru mengenai dakwah terhadap remaja. Kajian Nurul Husna Mansor terhadap modul keagamaan yang dilakukan di pusat-pusat perlindungan mendapati bahawa pusat-pusat perlindungan masih belum mencapai pendekatan tertentu bagi menangani masalah tingkah laku remaja<sup>4</sup>. Ini menunjukkan modul yang dibina tidak meletakkan tanda aras yang sesuai dengan sasaran *mad'u* berpandukan al-Quran dan hadith. Mendidik remaja dan anak muda adalah perkara yang sangat mencabar<sup>5</sup>.

## PENDEKATAN MEMBERIKAN ARAHAN DAN CADANGAN

Perkembangan seseorang individu adalah meliputi aspek akidah, moral, fizikal, mental, spiritual dan sosial. Pembentukan generasi agar lebih baik, memerlukan prinsip yang jelas, mudah dilaksanakan dan menuju kebaikan<sup>6</sup>. Di antara contoh-contoh ayat al-Quran yang menunjukkan pendekatan dalam memberikan arahan dan cadangan yang ditujukan kepada hamba adalah seperti berikut:

---

<sup>1</sup> Abu Abdullah Muhammad bin Umar, *Mafatihul Ghaib*, Jilid 18, (Beirut: Sar Ihya at-Turath Arabi, 2000), 457.

<sup>2</sup> Abu al-Qasim Mahmud bin Amru, *Al-Kasyaf 'an-Haqaiq Ghawamid at-Tanzil*, Jilid 2, (Beirut: Dar al-Kutub al-Arabi, 1987), 471.

<sup>3</sup> Abu Toyayib Sodiq Khan, *Fath al-Bayan Fi Maqasid al-Quran*, Jilid 10, (Beirut: Maktabah Asariyyah li at-Taba'ah wa An-Nashir, 1992), 283.

<sup>4</sup> Nurul Husna Mansor, *Modul Keagamaan untuk Remaja Hamil Luar Nikah di Pusat Perlindungan Wanita di Selangor: Kajian Perlaksanaan dan Masalah* (Kuala Lumpur: Jabatan Dakwah dan pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2016), 10.

<sup>5</sup> *Ibid*, 336-343.

<sup>6</sup> Abdullah Nashih Ulwan, terjmh. Saifullah Kamalie, *Pedoman Pendidikan Anak Dalam Islam*, Jilid 2, (Kuala Lumpur: Victory Agencie, 1996), 176.

Bil.	Pendekatan	Ayat	Surah
1.	Memberikan Arahan dan Cadangan (Jalan Solusi)	<p>قَالَ يَبْنَى لَا تَقْصُصْ رُؤْيَاكَ عَلَىٰ إِخْوَتِكَ فَيَكِيدُوا لَكَ كَيْدًا إِنَّ الشَّيْطَانَ لِلْإِنْسَانِ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ٥</p> <p>Ayahnya berkata: "Hai anakku, janganlah kamu ceritakan mimpimu itu kepada saudara-saudaramu, Maka mereka membuat makar (untuk membinasakan) mu. Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagi manusia."</p>	Yusuf 12:5
2.		<p>وَإِذْ قَالَ لُقْمَانُ لِابْنِهِ وَهُوَ يُعْطِيهِ يَبْنَى لَا تُشْرِكْ بِاللَّهِ إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ ١٣</p> <p>Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, di waktu ia memberi pelajaran kepadanya: "Hai anakku, janganlah kamu mempersekutukan Allah, Sesungguhnya mempersekutukan (Allah) adalah benar-benar kezaliman yang besar".</p>	Luqman 21:13
3.		<p>وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ اتَّبِعُوا مَا أَنْزَلَ اللَّهُ قَالُوا بَلَىٰ نَتَّبِعُ مَا وَجَدْنَا عَلَيْهِ ءَابَاءَنَا أُولَٰئِكَ كَانُوا لَشَيْطَانٍ يَدْعُوهُمْ إِلَىٰ عَذَابٍ أَلْسَعِيرٍ ٢١</p>	Luqman 21:17

		<p>Hai anakku, dirikanlah shalat dan suruhlah (manusia) mengerjakan yang baik dan cegahlah (mereka) dari perbuatan yang mungkar dan bersabarlah terhadap apa yang menimpa kamu. Sesungguhnya yang demikian itu Termasuk hal-hal yang diwajibkan (oleh Allah).</p>	
--	--	---	--

**Jadual 1.2:** Contoh-contoh Ayat Yang Memberi Arahan

Berdasarkan jadual 1.2, contoh ayat-ayat yang memberi arahan adalah di dalam surah Yusuf ayat 5. Di dalam ayat ini, dinyatakan bagaimana Nabi Ya’kub mengarahkan Nabi Yusuf agar tidak menceritakan perihal mimpinya kepada abang-abangnya. Malah, Nabi Ya’kub menyatakan sebab bahawa abang-abang Nabi Yusuf akan membuat tipu daya yang akan membinasakan Nabi Yusuf. Manakala pada surah Luqman pula, di dalam ayat 13 menyatakan bahawa Luqman menasihati anaknya agar tidak mensyirikkan Allah. Begitu juga dengan ayat 17 di dalam surah Luqman, beliau menyuruh anaknya solat dan melakukan kebaikan dan mencegah kemungkar dan bersabar atas musibah yang ditimpa. Jelas di sini bahawa contoh-contoh ayat perintah dan arahan yang diberikan kepada remaja amatlah mudah dan ringkas.

Dengan itu, dalam memberikan arahan kepada remaja khususnya, perlulah arahan yang diberikan itu lebih jelas dan mudah untuk dilaksanakan. Manakala, terdapat 10 pendekatan utama dalam mendidik remaja perempuan menurut Majdi Fathi Sayyid yang boleh digunapakai dan diamati iaitu<sup>1</sup>:

Bil.	Pendekatan	Bentuk Pendekatan
1.	Pendekatan Ghaib	Syurga Neraka
2.	Pendekatan Beriman	Beriman kepada Allah
3.	Pendekatan Rukun Islam	Solat Puasa

<sup>1</sup> Majdi Fathi Sayyid, *Fan at-Tarbiyatul Banat Fi al-Islam*, (Kaherah: Maktabah Taufiqiyyah, 2000).

		Zakat
		Haji
4.	Pendekatan Taharah	Haid dan hukum-hukumnya
5.	Pendekatan Quran	Membaca al-Quran
6.	Pendekatan Sirah	Kisah-kisah nabawiyah
7.	Pendekatan Akhlak	Membuat kebaikan terhadap ibu bapa
		Akhlak-akhlak terpuji
8.	Pendekatan Aqidah	Larangan mensyirikkan Allah
9.	Pendekatan Zikir dan Doa	Zikir-zikir harian
		Doa-doa harian
10.	Pendekatan Adab	Adab dengan ibu bapa
		Adab dengan adik-beradik
		Adab dengan kaum kerabat
		Adab dengan jiran
		Adab di rumah
		Adab di tempat pengajian
		Adab dengan guru
		Adab dengan kawan

**Jadual 1.3:** Pendekatan Remaja Menurut Majdi Fathi Sayyid

Jadual 1.3 menunjukkan sepuluh pendekatan utama terhadap remaja perempuan iaitu; pendekatan ghaib, pendekatan beriman, pendekatan rukun Islam, pendekatan taharah, pendekatan Quran, pendekatan sirah, pendekatan akhlak, pendekatan aqidah, pendekatan zikir dan doa dan pendekatan adab-adab. Dengan itu, pendekatan yang ditonjolkan menepati arahan dan cadangan kepada remaja wanita yang bermasalah. Selain itu, pendekatan-pendekatan yang direncanakan Majdi Fathi Sayyid merupakan pendekatan yang mudah diterapkan kepada remaja perempuan.

### PENDEKATAN MENYATAKAN JUSTIFIKASI ARAHAN


Setiap generasi yang diciptakan Allah itu mempunyai manfaat dan tujuan tertentu. Begitu juga dengan ciptaan Allah terhadap golongan remaja iaitu golongan muda yang mempunyai tenaga dan akal yang masih cerdas. Pendekatan al-Quran yang ketiga adalah menyatakan justifikasi arahan iaitu menyatakan tujuan daripada apa yang diperintahkan kepada remaja. Pendekatan ini merupakan pendekatan yang disarankan di dalam al-Quran supaya remaja dapat memahami tujuan melakukan sesuatu.

Bil.	Pendekatan	Ayat	Surah
1.	Manyatakan Justifikasi Arahan	<p>قَالَ يَبْنَى لَا تَقْصُصْ رُءْبَاكَ عَلَىٰ إِخْوَتِكَ فَيَكِيدُوا لَكَ كَيْدًا إِنَّ الشَّيْطَانَ لِلْإِنْسَانِ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ٥</p> <p>Ayahnya berkata: "Hai anakku, janganlah kamu ceritakan mimpimu itu kepada saudara-saudaramu, Maka mereka membuat makar (untuk membinasakan) mu. Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagi manusia."</p>	Yusuf 12:5
2.		<p>وَإِذْ قَالَ لُقْمَانُ لِابْنِهِ وَهُوَ يَعِظُهُ يَبْنَى لَا تُشْرِكْ بِاللَّهِ إِنَّ الشِّرْكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ ١٣</p> <p>Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, di waktu ia memberi pelajaran kepadanya: "Hai anakku, janganlah kamu mempersekutukan Allah, Sesungguhnya mempersekutukan (Allah) adalah benar-benar kezaliman yang besar".</p>	Luqman 21:13
3.		<p>يَبْنَى أَقِمِ الصَّلَاةَ وَأْمُرْ بِالْمَعْرُوفِ وَانْهَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأَتَّبِعْ عَلَىٰ مَا أَصَابَكَ إِنَّ ذَلِكَ مِنْ عَزْمِ الْأُمُورِ ١٧</p> <p>Hai anakku, dirikanlah shalat dan</p>	Luqman 21:17

		suruhlah (manusia) mengerjakan yang baik dan cegahlah (mereka) dari perbuatan yang mungkar dan bersabarlah terhadap apa yang menimpa kamu. Sesungguhnya yang demikian itu Termasuk hal-hal yang diwajibkan (oleh Allah).	
--	--	--	--

**Jadual 1.4:** Contoh-contoh Ayat Menyatakan Justifikasi Arahan

Jadual 1.4 menunjukkan penggunaan justifikasi perintah di dalam ayat-ayat al-Quran. Di dalam surah Yusuf ayat 5 menunjukkan justifikasi arahan terhadap Nabi Yusuf agar tidak menceritakan perihal mimpinya kepada abang-abangnya. Firman Allah s.w.t:



*“Maka mereka membuat makar (untuk membinasakan) mu. Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagi manusia.”*

Justifikasi pertama menyatakan bahawa abang-abang Nabi Yusuf akan melakukan tipu daya yang merosakkan Nabi Yusuf. Nabi Ya’kub juga menyatakan justifikasi kedua bahawa sesungguhnya syaitan merupakan musuh yang nyata bagi manusia. Ini merupakan peringatan kepada Nabi Yusuf bahawa hasutan syaitan terhadap manusia agar melakukan keburukan itu sering ada.

Pada surah Luqman ayat 13 juga memaparkan justifikasi mensyirikkan Allah. Ayat ini bermaksud mensyirikkan Allah merupakan suatu kezaliman yang amat besar. Manakala pada ayat 17 surah Luqman pula, justifikasi ayat terhadap kepentingan melaksanakan solat, melakukan kebaikan, mencegah kemungkaran dan sabar dalam menempuh dugaan.

## LATAR BELAKANG RUMAH PERLINDUNGAN AKHLAK, JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT (JKM)<sup>1</sup>

Rumah Perlindungan Akhlak JKM ditubuhkan sebagai tempat tinggal bagi remaja yang berumur lingkungan 11 tahun hingga 21 tahun dan dijatuhkan hukuman di bawah seksyen 61 Akta Kanak-Kanak 2001. Seksyen 61 menyatakan tujuan utama penubuhan rumah perlindungan adalah untuk memberi pemulihan kepada remaja yang terlibat dengan jenayah (Perintah Percubaan) dan tidak terkawal. Selain itu, rumah perlindungan tersebut sebagai platform mendidik remaja agar membina sikap positif, membentuk peribadi yang kukuh dan melengkapkan diri dengan keterampilan bagi membolehkan mereka hidup berdikari dalam masyarakat. Memasukkan remaja ke rumah perlindungan untuk proses pemulihan adalah jalan terakhir sekiranya tiada alternatif lain.

Kemasukan remaja ke rumah perlindungan adalah dengan dua kedaan. Pertama melalui perintah Mahkamah Bagi Kanak-Kanak di bawah Perenggan 91(1) (e) atau Seksyen 46 Akta Kanak-Kanak 2001 dan didapati bersalah atas apa-apa kesalahan selain jenayah berat, menyebabkan cedera parah, merogol, melakukan sumbang mahram atau mencabul kehormatan, kesalahan di bawah seksyen 377B, 377C, 377D, 377E Kanun Keseksaan. Mereka dikehendaki untuk tinggal di Asrama Akhlak dan ditempatkan selama tempoh tidak lebih dua belas bulan dari tarikh perintah. Namun begitu, mereka boleh dibebaskan awal dengan kuasa Warden Asrama. Keadaan kedua adalah melalui permintaan bertulis ibu atau bapa atau penjaga kepada Mahkamah Bagi Kanak-Kanak supaya menahan anaknya ke Asrama Akhlak.

Antara kategori remaja yang dimasukkan ke rumah perlindungan adalah seperti berikut:


1. Didapati bersalah.
2. Didera dari aspek fizikal, emosi, penganiayaan seks oleh ibu bapa atau penjaga.
3. Didera dari segi fizikal atau dcedera dari segi emosi atau dianiaya dari segi seks.
4. Penjaga yang tidak berupaya untuk menjalankan pengawasan dan pengawalan.
5. Tinggal atau mengunjungi mana-mana rumah pelacuran.
6. Bersama-sama atau berada di bawah kawalan muncikari atau orang yang bekerja atau berkepentingan dalam urusan di rumah pelacuran atau berkaitan dengan pelacuran.
7. Permohonan kanak-kanak itu sendiri kerana memerlukan perlindungan segera.

---

<sup>1</sup> *Pelan Transformasi Jabatan Kebajikan Masyarakat 2011-2015*, (Kuala Lumpur: Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2010), 24-27.

8. Diancam atau ditakut-takutkan bagi maksud pelacuran atau bersetubuh dengan seseorang atau bagi apa-apa maksud lucah.
9. Dikurung atau ditahan oleh seseorang lain.
10. Hamil anak luar nikah.

Prosedur kemasukan remaja ke rumah perlindungan akhlak juga perlulah melalui proses-proses yang melibatkan permohonan bertulis, pemantauan dan perbincangan yang melibatkan tiga pihak iaitu mahkamah, pihak JKM dan penjaga remaja. Dapatlah dirumuskan prosedur kemasukan remaja ke institusi perlindungan akhlak berdasarkan gambarajah di bawah<sup>1</sup>:



**Rajah 1.3:** Rumusan Carta Organisasi Rumah Perlindungan Akhlak Remaja Wanita

Penjaga remaja hendaklah membuat permohonan bertulis kepada Mahkamah Bagi Kanak-kanak dengan menyatakan permohonan bantuan pemulihan terhadap tingkah laku remaja luar kawalan. Seksyen 46(1) Akta Kanak-kanak 2011 (Akta 611) memperuntukkan bahawa penjaga remaja boleh membuat permintaan bertulis kepada Mahkamah Bagi Kanak-Kanak supaya menahan remaja di sesuatu sekolah diluluskan,

<sup>1</sup> Undang-Undang Malaysia, cetakan semula, Akta 611, Akta kanak-kanak 2001, mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006. Diterbitkan oleh Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang, Malaysia Di bawah Kuasa Akta Penyemakan Undang-Undang 1968 secara usaha sama dengan Percetakan Nasional Malaysia Bhd, 2006.



tempat perlindungan, asrama akhlak atau rumah perlindungan atas alasan tingkah laku itu mungkin mendorong kepada bahaya jenayah atau mendorong kepada bahaya moral. Berdasarkan surat permohonan, mahkamah akan mengarahkan Pegawai Kebajikan Masyarakat menyasat keadaan sebenar dengan menyediakan satu laporan akhlak. Setelah dikenalpasti laporan akhlak, mahkamah akan menetapkan remaja samada ditempatkan di Asrama Akhlak atau tidak .

Seksyen 46(2) Akta Kanak-kanak 2011(Akta 611) memperuntukkan bahawa selepas menimbangkan laporan yang disebut dalam perenggan (1)(b) Mahkamah Bagi Kanak-Kanak mempersetujui meletakkan remaja itu di dalam rumah perlindungan dengan keizinan penjaga dan kefahaman penjaga atas akibatnya. Mahkamah Bagi Kanak-Kanak mengesyorkan supaya remaja itu dihantar ke suatu sekolah yang telah diluluskan, tempat perlindungan, asrama akhlak atau pusat mengikut mana-mana yang sesuai. Tempoh perlindungan yang tidak melebihi tiga tahun di bawah pengawasan seorang pegawai akhlak atau seseorang lain yang dilantik oleh mahkamah.

Jika remaja mengulangi kesalahan, mereka akan dihantar ke Sekolah Tunas Bakti. Remaja boleh pulang ke pangkuan penjaga setelah tamat tempoh perlindungan di dalam institusi. Namun begitu, remaja masih diselia oleh Pegawai Akhlak selama setahun. Sekiranya mereka melanggar syarat yang ditetapkan, mereka akan dikembalikan semula ke institusi.

## **DAPATAN KAJIAN TERHADAP PENDEKATAN-PENDEKATAN PEMULIHAN DI RUMAH PERLINDUNGAN AKHLAK REMAJA WANITA, JKM**

Berdasarkan pemerhatian<sup>1</sup>, bentuk-bentuk pendekatan pemulihan di rumah perlindungan akhlak remaja wanita boleh dibahagikan kepada tiga aspek utama iaitu pengawasan, perlindungan dan pendidikan. Akan tetapi, bentuk-bentuk pendekatan pemulihan bagi rumah perlindungan akhlak remaja wanita telah dijadikan dalam bentuk modul seterusnya menjadi rujukan kepada kakitangan, guru-guru dan kaunselor. Oleh itu, semua pihak akan merujuk dan menggunakan modul yang disediakan dengan mengikut peraturan dan syarat yang ditetapkan. Pendekatan-pendekatan pemulihan di JKM dapat dipecahkan kepada tujuh pendekatan berdasarkan tiga pendekatan asas yang diterapkan di rumah perlindungan akhlak remaja wanita, JKM. Bentuk pemulihan adalah seperti jadual 4.2:

---

<sup>1</sup> Dalam temubual Puan Salmi binti Abdullah dengan penulis pada 26 Februari 2018. Beliau merupakan Warden Asrama Bahagia Kampung Pandan. Beliau menyatakan bahawa penulis tidak dibenarkan mengambil gambar di lokasi atas sebab peraturan di institusi.

Bil.	Bentuk Pendekatan	Tindakan
1.	Perlindungan	Pendekatan nasihat dan bimbingan
		Pendekatan hukuman dan ganjaran
		Pendekatan sentuhan
2.	Pendidikan	Pendekatan suri teladan
		Pendekatan penyampaian ilmu
3.	Pengawasan	Pendekatan kawalan dan sosial
		Pendekatan kognitif

**Jadual 1.5:** Pendekatan-pendekatan Pemulihan Di Rumah Perlindungan Akhlak Remaja Wanita, JKM

Jadual 1.5 menunjukkan pendekatan-pendekatan pemulihan di rumah perlindungan akhlak remaja wanita, JKM berdasarkan bentuk pendekatan asas di JKM. Pendekatan perlindungan di rumah perlindungan akhlak remaja wanita, JKM terlaksana dengan tiga pendekatan iaitu; nasihat dan bimbingan, hukuman dan ganjaran, dan sentuhan. Pendekatan pendidikan pula menerapkan pendekatan suri teladan dan penyampaian ilmu. Manakala bentuk pendekatan pengawasan pula adalah melalui pendekatan kawalan dan sosial, serta kognitif.

**PERBINCANGAN PENDEKATAN AL-QURAN MENGENAI DAKWAH TERHADAP REMAJA DALAM ASPEK PEMULIHAN REMAJA WANITA DI RUMAH PERLINDUNGAN AKHLAK REMAJA WANITA, JKM**

Pendekatan pemulihan al-Quran dibahagikan kepada tiga pendekatan iaitu; pendekatan motivasi dengan pujian, pendekatan memberi perintah dan pendekatan justifikasi perintah mengikut bentuk-bentuk pendekatakan pemulihan yang sedia ada di institusi perlindungan akhlak remaja wanita. Pendekatan-pendekatan yang dibahagikan kepada tiga ini adalah merujuk kepada pendekatan al-Quran terhadap remaja seperti yang dinyatakan di dalam bab dua di dalam kajian ini. Analisis pendekatan pemulihan Al-Quran di rumah perlindungan akhlak remaja wanita, JKM adalah seperti jadual di bawah:

Bil.	Bentuk Pendekatan	Pendekatan al-Quran	Tindakan
1.	Perlindungan	Motivasi dengan pujian dan kata-kata yang baik	Pendekatan nasihat dan bimbingan
			Pendekatan hukuman dan ganjaran
			Pendekatan sentuhan
2.	Pendidikan	Arahan yang ditujukan kepada hamba	Pendekatan suri teladan
			Pendekatan penyampaian ilmu
3.	Pengawasan	Menyatakan justifikasi arahan	Pendekatan pengawasan
			Pendekatan kognitif

**Jadual 1.6:** Analisis Pendekatan Pemulihan Al-Quran Di Rumah Perlindungan Akhlak Remaja Wanita, JKM

Jadual 1.6 menunjukkan kesinambungan daripada tiga pendekatan al-Quran yang dapat dianalisis melalui metode pemerhatian dan tembuwal di ABKL dan TSP. Pendekatan motivasi dengan pujian dan kata-kata yang baik iaitu memanggil dengan bahasa yang lembut dan menceritakan ganjaran yang didapati sebelum menurunkan perintah. Dengan itu, terdapat dua tindakan yang dilaksanakan di ABKL dan TSP iaitu pendekatan nasihat dan bimbingan, hukuman dan ganjaran, dan sentuhan. Manakala pendekatan memberi arahan di rumah perlindungan akhlak remaja wanita, JKM adalah dengan dua tindakan iaitu pendekatan suri teladan dan penyampaian ilmu. Adapun pendekatan menyatakan justifikasi arahan adalah dengan pendekatan pengawasan dan kognitif.

Ketiga-tiga bentuk pendekatan pemulihan yang terdapat di rumah perlindungan akhlak remaja wanita, JKM telah dengan pendekatan al-Quran mengikut kategori dan kesesuaian. Namun begitu, rumah perlindungan akhlak remaja wanita, JKM tidak mengenal pasti bahawa pendekatan-pendekatan pemulihan yang dilaksanakan di rumah perlindungan akhlak adalah mecapai dan selari dengan pendekatan al-Quran.

## PENDEKATAN MOTIVASI DAN PUJIAN

Para pendidik, ibu bapa dan masyarakat harus mengetahui serba sedikit tentang ilmu psikologi perkembangan, khususnya perkembangan dan perubahan remaja. Setelah mengetahui tahap-tahap perkembangan dan perubahan remaja, proses bimbingan dan nasihat menjadi lebih berkesan dan tidak bertentangan dengan fitrah manusia<sup>1</sup>. Oleh itu, pendekatan motivasi dan pujian yang disarankan dalam al-Quran dapat membantu lagi dalam perkembangan yang sihat terhadap remaja pada masa akan datang. rumah perlindungan akhlak remaja wanita, JKM melaksanakan pendekatan motivasi dan pujian dengan menggunakan pendekatan nasihat dan bimbingan, pendekatan hukuman dan ganjaran serta sentuhan. Analisis pendekatan motivasi dan pujian di rumah perlindungan akhlak remaja wanita, JKM dapat dirumuskan seperti jadual di bawah:

Bil.	Pendekatan al-Quran	Kategori Pendekatan al-Quran	Pendekatan Pemulihan Di Rumah Perlindungan Akhlak Remaja Wanita, JKM
1.	Motivasi dengan pujian dan kata-kata yang baik	Pendekatan nasihat dan bimbingan	Mudah dan jelas Beransur-ansur Lembut dan berhikmah Pujukan Humor Kasih sayang
		Pendekatan hukuman dan ganjaran	Keistimewaan ditarik Latihan fizikal Hadiah Dilantik menjadi ketua
		Pendekatan Sentuhan	Menenangkan

**Jadual 1.7:** Analisis Pendekatan Motivasi dan Pujian di Rumah Perlindungan Akhlak Remaja Wanita, JKM

<sup>1</sup> Fariza Md.Sham, Perkembangan Moral, Sosial Remaja dan Pendekatan Psikologi Dakwah dalam *Dakwah dan Kaunseling di Malaysia*, Edisi Kedua, (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013), 69-70.

Analisis pendekatan motivasi dan pujian di rumah perlindungan akhlak remaja wanita, JKM yang pertama adalah pendekatan nasihat dan bimbingan. Menurut jadual 1.7, rumah perlindungan akhlak remaja wanita, JKM menggunakan pendekatan yang mudah dan jelas, beransur-ansur, lembut dan berhikmah, pujukan, humor dan kasih sayang. Pendekatan pemulihan yang dilaksanakan amatlah selari dengan saranan Islam dalam berdakwah kerana melibatkan pendekatan yang beransur-ansur. Ini adalah disebabkan remaja yang masuk ke rumah perlindungan akhlak remaja wanita, JKM mengalami perilaku yang luar kawalan, tekanan emosi dan *stress* berada di dalam tahanan. Dengan pendekatan pemulihan yang dilaksanakan rumah perlindungan akhlak remaja wanita, JKM dapat melentur remaja secara perlahan dan memberi peluang untuk remaja lebih mengenal diri dan mendalami nilai-nilai murni. Pendekatan humor sangat bagus untuk remaja kerana mereka akan berasa selesa dengan lawak dan merangsang hormon gembira. Akan tetapi, pada hemat penulis pendekatan humor tidak boleh dilakukan dengan kerap kerana remaja akan merasakan begitu selesa sehingga tidak hormat kepada orang yang merawatnya.

Pendekatan hukuman di rumah perlindungan akhlak remaja wanita, JKM adalah menarik keistimewaan remaja seperti menahan pemberian wang saku remaja dan denda dengan melakukan aktiviti fizikal seperti kawat kaki. Selain itu, pendekatan ganjaran di rumah perlindungan akhlak remaja wanita, JKM adalah melantik remaja sebagai ketua dan diberikan hadiah. Pendekatan hukuman yang dilaksanakan kepada remaja mengajar remaja untuk bersyukur dengan keistimewaan yang diberi. Ini disebabkan apabila remaja berada di luar, remaja akan melakukan segala macam tindakan seperti mencuri, menjual diri dan merompak untuk mencapai kehendak mereka. Dengan itu, rumah perlindungan akhlak remaja wanita, JKM melakukan hukuman sebegitu amat digalakkan supaya mereka lebih rasa bersyukur dan dapat mengubah sikap ke arah lebih positif. Remaja di rumah perlindungan akhlak remaja wanita, JKM tidak mampu menghadapi nasihat dan ceramah yang berkaitan dengan syukur kerana mereka cepat merasakan bosan. Dengan itu, langkah yang terbaik adalah menarik keistimewaan remaja kemudian menyatakan justifikasi tindakan dan memberi sedikit motivasi dan nasihat. Pendekatan latihan fizikal adalah pendekatan yang baik untuk mereka melakukan aktiviti seperti kawat kaki dan senaman berbanding dengan menghukum remaja dengan rotan dan sebatan<sup>1</sup>.

Pendekatan ganjaran seperti melantik remaja sebagai ketua adalah selari dengan pendekatan al-Quran yang dinyatakan di dalam surah al-Imran 3:43. Dengan itu, remaja akan rasa dihargai dan berlatih untuk bertanggungjawab dengan perlantikan sebagai ketua. Tambahan pula, remaja rumah perlindungan akhlak remaja wanita, JKM apabila

---

<sup>1</sup> Dalam temubual Puan Zuraidah binti Saad dengan penulis pada 17 Januari 2018. Beliau merupakan Timbalan Pengetua Taman Seri Puteri Cheras.

di luar tidak pernah diiktiraf dan diangkat oleh sesiapa. Selain itu, ganjaran juga diberikan dengan hadiah. Hadiah ini amatlah digemari oleh remaja di rumah perlindungan akhlak remaja wanita, JKM sebagai tanda penghargaan kepada mereka yang telah melakukan kebaikan. Pendekatan sentuhan yang dilaksanakan di rumah perlindungan akhlak remaja wanita, JKM merupakan pendekatan yang dapat memenangkan remaja yang dalam keadaan kemurungan dan beremosi. Pendekatan sentuhan dapat mengeratkan lagi hubungan gurur-guru, kaunselor dan kakitangan wanita dengan remaja di rumah perlindungan akhlak remaja wanita, JKM<sup>1</sup>.

**PENDEKATAN MEMBERI ARAHAN<sup>2</sup>**

Tindakan dalam memberi arahan memerlukan pendekatan yang sesuai agar arahan yang diberi dapat diterima dengan baik. Pendekatan memberi arahan juga salah satu daripada pendekatan al-Quran. Di rumah perlindungan akhlak remaja wanita, JKM, mereka mengamalkan pendekatan memberi arahan dengan suri teladan dan penyampaian ilmu. Analisis pendekatan memberi arahan adalah seperti di bawah:

Bil.	Pendekatan al-Quran	Kategori Pendekatan al-Quran	Pendekatan Pemulihan Di Rumah Perlindungan Akhlak Remaja Wanita, JKM
1.	Memberi arahan	Pendekatan suri teladan	Tutur kata yang baik Akhlak yang baik Penampilan yang baik Tidak memaksa Meminta rakan sebaya menasihati Bertanya keadaan remaja Tinggi suara Mengenalpasti latar belakang remaja

<sup>1</sup> *Ibid.*

<sup>2</sup> Dalam temubual Puan Salmi binti Abdullah dengan penulis pada 26 Februari 2018. Beliau merupakan Waden Asrama Bahagia Kampung Pandan.

			Humor
		Pendekatan penyampaian ilmu	Ceramah Kelas pengajian Qiamulail pada bulan Ramadhan Solat berjemaah Majlis zikir Bacaan al-Quran Solat sunat Program-program kebesaran Islam

**Jadual 1.8:** Analisis Pendekatan Memberi Arahan Di Rumah Perlindungan Akhlak Remaja Wanita, JKM

Terdapat dua pendekatan yang digunapakai di rumah perlindungan akhlak remaja wanita, JKM dalam melestarikan pendekatan memberi perintah iaitu, pendekatan suri teladan dan pendekatan penyampaian ilmu. Pendekatan suri teladan adalah menjurus kepada cara arahan itu diajarkan kepada remaja di rumah perlindungan akhlak remaja wanita, JKM. Manakala pendekatan penyampaian ilmu pula adalah pendekatan yang menjurus kepada arahan yang diajarkan melalui pengisian di dalam aktiviti-aktiviti kerohanian. Pendekatan penyampaian ilmu ini secara tidak langsung mengajak remaja di rumah perlindungan akhlak remaja wanita, JKM menimba ilmu agama Islam dan mempelajari praktikal-praktikal ibadah seperti bacaan dalam solat dan puasa.

Pendekatan memberi arahan adalah dengan lembut dan berhikmah. Bahkan pendekatan ini boleh ditambah lagi dengan memberitahu remaja di rumah perlindungan akhlak remaja wanita, JKM akan ganjaran dan ujian yang akan diterima. Selain itu, rumah perlindungan akhlak remaja wanita, JKM hendaklah mendidik remaja agar teguh jiwa pada ketentuan Allah demi memupuk sifat tawakal dan serah diri pada Allah, kerana Allah Maha Mengetahui. Tindakan tinggi suara oleh guru-guru dan warden juga dilakukan di rumah perlindungan akhlak remaja wanita, JKM apabila remaja tidak terkawal seperti bergaduh, bising dan berebut-rebut. Dalam hal ini, ketegasan perlu ditonjolkan agar remaja di rumah perlindungan akhlak remaja wanita, JKM menjaga adab mereka.

Tingkah laku remaja di rumah perlindungan akhlak remaja wanita, JKM dapat dipupuk dengan baik sekiranya ibu bapa dapat menyemai nilai positif di dalam keluarga itu sendiri. Nilai-nilai seperti kasih sayang, tolong-menolong, jujur, dan semua nilai baik perlu diberi perhatian oleh ibu bapa. Manakala di rumah perlindungan akhlak remaja wanita, JKM pula, kakitangan, warden, kaunselor dan guru-guru hendaklah sentiasa memberi input yang baik seperti menonjolkan teladan yang baik dan menyediakan suasana pengajaran dan pembelajaran yang dapat merangsang minat remaja untuk datang ke sekolah.

**PENDEKATAN MENYATAKAN JUSTIFIKASI ARAHAN<sup>1</sup>**

Pendekatan menyatakan justifikasi arahan di rumah perlindungan akhlak remaja wanita, JKM meliputi dua pendekatan iaitu pendekatan pengawasan dan kognitif. Berikut adalah jadual analisis pendekatan menyatakan justifikasi arahan di rumah perlindungan akhlak remaja wanita, JKM yang dapat disimpulkan seperti jadual di bawah:

Bil.	Pendekatan al-Quran	Kategori Pendekatan al-Quran	Pendekatan Pemulihan Di ABKL Dan TSP
1.	Menyatakan justifikasi arahan	Pendekatan pengawasan	Kawalan moral dan sosial
		Pendekatan kognitif	Memberi keyakinan Mengajak berfikir dengan logik Tayangan video

**Jadual 1.9:** Analisis Menyatakan Justifikasi Arahan Di Rumah Perlindungan Akhlak Remaja Wanita, JKM

Berdasarkan jadual 1.9, analisis menyatakan justifikasi arahan di rumah perlindungan akhlak remaja wanita, JKM menggunakan kawalan moral dan sosial serta kognitif kepada remaja di rumah perlindungan akhlak remaja wanita, JKM. Pendekatan pengawasan yang dilaksanakan di rumah perlindungan akhlak remaja wanita, JKM menggunakan akta yang telah ditetapkan oleh JKM. Kawalan yang dibuat adalah moral dan sosial. Pendekatan kognitif juga dilaksanakan oleh rumah perlindungan akhlak remaja wanita, JKM kepada remaja dengan memberi keyakinan, mengajak berfikir dengan logik dan menggunakan video. Pendekatan kognitif iaitu satu teknik psikologi dalam

<sup>1</sup> *Ibid.*



menenangkan. Selain itu, dapat mengajar remaja agar meletakkan kebergantungan total kepada Allah dan mengajar untuk berpuasa untuk mengawal emosi. Oleh itu, di rumah perlindungan akhlak remaja wanita, JKM menggunakan pendekatan pengawasan dan pendekatan kognitif.

## KESIMPULAN

Dalam pada itu, al-Quran turut memandu insan bagi memulihkan remaja bermasalah. Pendekatan yang ideal untuk digunapakai terhadap remaja adalah pendekatan komunikasi berkesan berteraskan al-Quran. Di dalam pendekatan komunikasi berkesan ini, terdapat pendekatan pemulihan yang dipecahkan kepada tiga pendekatan asas yang diestradakan dari al-Quran. Pendekatan pertama iaitu motivasi dan pujian, pendekatan kedua adalah memberikan arahan dan solusi, dan pendekatan ketiga adalah menyatakan justifikasi arahan.

Rumusannya, pendekatan pemulihan terhadap remaja yang terbaik adalah pendekatan pemulihan al-Quran kerana pendekatan ini mempunyai interaksi yang bersesuaian dengan mereka. Ini kerana, Allah s.w.t sahaja yang Maha Mengetahui kehidupan manusia. Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan rumah perlindungan akhlak remaja wanita, JKM menggunakan komponen-komponen pendekatan yang dinyatakan.

## RUJUKAN:

- Abdul Ghafar Hj. Don, *Dakwah dan Kaunseling di Malaysia*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013.
- Abdullah Nashih Ulwan, terjmh. Saifullah Kamalie, *Pedoman Pendidikan Anak Dalam Islam*, Jilid 2, Kuala Lumpur: Victory Agencie, 1996.
- Abu Abdullah Muhammad bin Umar, *Mafatihul Ghaib*, Jilid 18, Beirut: Sar Ihya at-Turath Arabi, 2000.
- Abu al-Qasim Mahmud bin Amru, *Al-Kasyaf 'an-Haqaiq Ghawamid at-Tanzil*, Jilid 2, Beirut: Dar al-Kutub al-Arabi, 1987.
- Abu Toyyib Sodiq Khan, *Fath al-Bayan Fi Maqasid al-Quran*, Jilid 10, Beirut: Maktabah Asariyyah li at-Taba'ah wa An-Nashir, 1992.
- Fariza Md.Sham, Perakmbangan Moral, Sosial Remaja dan Pendekatan Psikologi Dakwah dalam *Dakwah dan Kaunseling di Malaysia*, Edisi Kedua, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2013.
- Fariza Md.Sham, *Tekanan Emosi Remaja Islam*, Jurnal Islamiyyat,

vol.27(1), Bangi: Universii Kebangsaan Malaysia, 2005.

Majdi al-Hilali, *Panduan Kembali Kepada Al-Quran*, Selangor: Pustaka Jiwa Sdn. Bhd, 2012.

Majdi Fathi Sayyid, *Fan at-Tarbiyatul Banat Fi al-Islam*, Kaherah: Maktabah Taufiqiyyah, 2000.

Mohd Nor Mamat, *Dakwah Biar Santai Tapi Sampai*, Selangor: Grup Buku Karang kraf, 2014.

Nurul Husna Mansor, *Modul Keagamaan untuk Remaja Hamil Luar Nikah di Pusat Perlindungan Wanita di Selangor: Kajian Perlaksanaan dan Masalah*, Kuala Lumpur: Jabatan Dakwah dan pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2016.

Yatimah Sarmani, Mohd. Tajudin Ninggal, *Teori Kaunseling Al-Ghazali*, Selangor: PTS Islamika, 2009.